

ROMBONGAN (BERNAMA EX)

OLEH K.H. CHAN

1978
LONDON, 21 MEI (BERNAMA) -- SETELAH MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DI BIRMINGHAM, ROMBONGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERLEPAS KE FRANKFURT HARI INI UNTUK MENARIK PELABURAN, KHUSUS BAGI PERUSAHAAN YANG BERASASKAN GETAH DAN KAYU-KAYAN.

LAWATAN KE FRANKFURT ADALAH BERLAINAN SEDIKIT DARI LAWATAN KE BIRMINGHAM DAN PARIS SERTA COPENHAGEN KEMUDIANNYA.

TUJUAN LAWATAN KE BIRMINGHAM, PARIS DAN COPENHAGEN IALAH UNTUK MENJELASKAN POTENSI PELABURAN DI MALAYSIA MANAKALA DI FRANKFURT TEKANAN AKAN DIBERI KE ARAH USAHA MENARIK PELABURAN DALAM PERUSAHAAN BERASASKAN GETAH DAN KAYU-KAYAN.

BAGAIMANAPUN TERDAPAT PARA PELABUR DALAM BIDANG LAIN ANTARA 80 BUAH SYARIKAT YANG AKAN MENYERTAI SEMINA PELABURAN YANG BERMULA ESOK. -- BERSAMBUNG 1042/YF

ROMBONGAN 2 LONDON

TURUT SERTA ROMBONGAN ITU IALAH KETUA PENGARAH LEMBAGA PERUSAHAAN KAYU KAYAN MALAYSIA, ENCIK ABDUL RAZAK MAJID DAN TIMBALAN PENGAWAL LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN GETAH MALAYSIA, ENCIK AHMAD FAROUK BIN S.M. ISHAK.

DALAM SATU PERTEMUAN DENGAN BERNAMA HARI INI, MEREKA TELAH MEMBERIKAN STRATEGI BAGI MEMAJUKAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG BERASASKAN KAYU KAYAN DAN GETAH.

ENCIK RAZAK MAJID MENGGARISKAN DUA PENDEKATAN KEARAH PELABURAN DALAM PERUSAHAAN BERASASKAN KAYU KAYAN.

PERTAMANYA, PARA PELABUR EROPAH HENDAKLAH DIBERIKAN KESEDARAN TENTANG PROSPÉK USAHASAMA DALAM KOMPLEKS KAYU KAYAN YANG DISATUKAN.

KONSEP INI ADALAH LEBIH SESUAI BAGI SABAH DAN SARAWAK WALAUPUN ADA KEMUNGKINAN BAGINYA DI TRENGGANU DAN KELANTAN.

KEDUA IALAH MEMBAWA PARA PELABUR MELIHAT INFRASTRUKTUR YANG TERDAPAT DI MALAYSIA SEMENANJUNG YANG MEMPUNYAI 551 BUAH KILANG PAPAN, 35 BUAH KILANG KAYULAPIS, 52 KILANG MEMBUAT KUMAI-KUMAI DAN SEJUMLAH BESAR KILANG PENGERING KAYU, KILANG MEMBUBUH UBAT KAYU, BEBERAPA RATUS KILANG PERABOT DAN LAIN-LAIN PERUSAHAAN YANG ADA KAITAN DENGAN PERUSAHAAN KAYU KAYAN. -- BERSAMBUNG 1047/YF

INFRASTRUKTUR INI ADALAH SESUAI BAGI SESIAPA SAJA YANG INGIN MEMASUKI BIDANG PENGELUARAN BARANGAN DAN BAHAN DARIPADA KAYU SEPERTI DARIPADA ABOK GERGAJI KAYU ATAU LEBIHAN HUTAN DI KAWASAN - KAWASAN PEMBUKAAN TANAH.

ENCIK RAZAK BERKATA, APA YANG DIKEHENDAKI OLEH MALAYSIA IALAH PENYERTAAN ASING MEMBAWA MASUK KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN SERTA MERBADAKAN PASARAN BAGI PERMINTAAN DI EROPAH DAN LAIN-LAIN NEGARA MAJU.

MENGENAI KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN, KEBANYAKAN DARIPADA BARANGAN PERINGKAT PERTENGAHAN MEMERLUKAN KEPAKARAN DAN REKA BENTUK YANG BELUM DAPAT DIBUAT OLEH MALAYSIA LAGI.

TETAPI MALAYSIA MEMPUNYAI PEKERJA MAHIR YANG MENCUKUPI YANG BOLEH MENPELAJARI DENGAN CEPAT BAGAIMANA HENDAK MEMBUAT BARANGAN TERSEBUT. KALAU TIDAKPUN MEREKA BENTUKNYA. -- BERSAMBUNG 1212/YF

INDUSTRI PERINGKAT PERTENGAHAN INI TIDAK AKAN DIASASKAN KEPADA KAYU-KAYU BARU DALAM HUTAN, TETAPI LEBIHAN DARI KILANG-KILANG DAN HUTAN.

+PADA MASA INI ADA BANYAK PEMBAZIRAN DAN SEMUA LEBIHAN INI DIBAKAR SAJA, + KATA ENCIK RAZAK.

+CONTOHNYA, 700,000 EKAR HUTAN ADALAH UNTUK DITUKARKAN MENJADI KAWASAN PERTANIAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA TETAPI SETIAP TAHUN 1.4 JUTA METER PADU LEBIHAN HUTAN DIBAKAR.

+LEBIHAN INI TERMASUK BALAK YANG BUKAN KOMERSIAL TETAPI MEM-PUNYAI SAIZ YANG CUKUP UNTUK PERUMAHAN TEMPATAN, DAN BALAK-BALAK KECIL YANG MASIH BOLEH DIPASARKAN. +

ADA SEBUAH KILANG DI KUALA LUMPUR YANG MEMBELI BALAK-BALAK KECIL DARI KAWASAN PERTANIAN YANG DITUKARKAN DAN MENJADIKANNYA ALAT-ALAT PERUMAHAN.

+KAMI INGIN MELIHAT LEBIH BANYAK KAYU-KAYU BEGINI DIGUNAKAN, + TEGAS ENCIK ABDUL RAZAK. -- BERSAMBUNG 1322/YF

ROMBONGAN 5 LO ON

BELIAU BERKATA LEBIHAN JUGA DIDAPATI DI KILANG-KILANG, KIRA-KIRA 45 HINGGA 55 PERATUS DARI 5.5 JUTA METER PADU BALAK UNTUK DIKILANG SETIAP TAHUN MENJADI SISA-SISA KAYU.

+JUMLAH SISA YANG BEGINI BESAR BOLEH DIBUAT PAPAN PARTIKEL ATAU PAPAN FIBER DAN LAIN-LAIN.

+SELAIN DARI MENGGUNAKAN LEBIHAN DI PERINGKAT PERTENGAHAN, KAMI INGIN JUGA MELIHAT KEGIATAN PEKILANGAN DI NEGARA-NEGARA PENGGUNA YANG MENUKAR PAPAN YANG DIGERGAJI SECARA KASAR MENJADI FRAME PINTU, JENDELA UNTUK INDUSTRI PEMBINAAN MEMBUATNYA DI MALAYSIA. +

BELIAU BERKATA RASA WAS-WAS DI PIHAK PEKILANGAN DI EROPAH TENTANG KEMAMPUAN PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BOLEH DIKETEPIKAN KERANA KITA MEMPUNYAI TENAGA BURUH YANG CEPAT BELAJAR KEMAHIRAN BARU.

PADA MASA INI EKSPORT KAYU DALAM BENTUK PENGELUARAN PERTENGAHAN CUMA MERUPAKAN 20 PERATUS DARI JUMLAH EKSPORT.

SELEBIHNYA TIDAK DALAM BENTUK BALAK YANG DIGERGAJI DAN KAYU YANG DIGERGAJI. -- BERSAMBUNG 1325/YF

B.L.C.

B510

ROMBONGAN 6 KUALA LUMPUR

ENCIK AHMAD FAROUK YANG BERCAKAP MENGENAI PERINDUSTRIAN BERASASKAN GETAH BERKATA DARI JUMLAH 1.6 JUTA TAN GETAH ASLI YANG DI-KELUARKAN DI MALAYSIA, KIRA-KIRA 37,000 TAN ATAU 2.3 PERATUS DARI JUMLAH PENGELUARAN DIKILANGKAN DALAM NEGERI.

DARI SEGI PERDAGANGAN INI TIDAKLAH SILAP, KERANA SETIAP PAUN GETAH ASLI YANG MALAYSIA KELUARKAN BOLEH DIEKSPORTKAN.

TETAPI MALAYSIA JUGA MAHU MEMPELBAGAI DAN TIDAK BERGANTUNG KEPADA EKSPORT BAHAN-BAHAN MENTAH, ITULAH SEBABNYA MALAYSIA MAHUKAN INDUSTRI-INDUSTRI DI MALAYSIA YANG MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER ASLI.

SELAIN DARI ITU IA MEMBERI PELUANG PEKERJAAN, LATIHAN DALAM KEMAHIRAN-KEMAHIRAN TERTENTU.

JUGA, SMR YANG DIEKSPORT DARI MALAYSIA DIKENAKAN CUKAI EKSPORT DAN BAYARAN SESS, SEMENTARA BARANG-BARANG KELUARAN GETAH YANG DIBELI DI MALAYSIA DAN DIEKSPORT DIKECUALIKAN DARI BAYARAN-BAYARAN INI.

LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN GETAH YANG BEKERJA ERAT DENGAN FIDA TELAH MENJADIKAN PENGGALAKAN INDUSTRI BERASASKAN GETAH SEBAGAI SATU DARI MATLAMAT UTAMANYA. -- BERSAMBUNG 1330/YF

B511

ROMBONGAN 7 LONDON

KE ARAH INI, MRRDB TELAH MENGADAKAN BEBERAPA SEKIM, SATU DARI-PADANYA TALAH MENUBUHKAN PUSAT TEKNOLOGI DI INSTITUT PENYELIDIKAN GETAH SUNGAI BULUH.

PUSAT INI DILENGKAPKAN UNTUK MENGUJI BAHAN PENGELUARAN, PEMBANGUNAN BAHAN PENGELUARAN DAN PEMBANGUNAN TAYAR DAN LAIN-LAIN UJIAN. MRRDB DAN RRI SEKARANG INI LEBIH BERSEDIA UNTUK MENOLONG PEKILANG-PEKILANG MENGUJI DAN MEMIKIRKAN BAHAN-BAHAN PENGELUARAN BARU.

SATU KAJIAN TELAH JUGA DIBUAT MENGENAI POTENSI PEMAGARAN UNTUK BAHAN-BAHAN GETAH YANG DIKILANG DI MALAYSIA. IA DIJALANKAN BERSAMA OLEH FIDA DAN MRRDB DAN DITERBITKAN DALAM 18 JILID.

INI MERUPAKAN PERINGKAT PERMULAAN KE ARAH MATLAMAT MEMBANYAKKAN PENGILANGAN GETAH ASLI DI MALAYSIA, + KATA ENCIK AHMAD FAROUK.

KATANYA BIRO-BIRO GETAH MALAYSIA DI BERBAGAI NEGARA YANG MEMBERI KHIDMAT PENASIHAT TEKNIK KEPADA PENGGUNA TELAH DIBERITAHU UNTUK MEMBUKA MATA MEREKA DAN MEMBERI MAKLUMAT MENGENAI MINAT YANG DITUNJUKKAN OLEH PARA INDUSTRIALIS UNTUK MENGELUAR BAHAN-BAHAN AKHIR DI MALAYSIA.

DI SEMINAR FRAKFURT, BAHAN-BAHAN MENTAH SMR DAN CONTOH-CONTOH PENGELUARAN AKHIR YANG DIBUAT DI MALAYSIA AKAN DIPAMERKAN. --
BERNAMA 1340/YF